

25/08/2003

PM umum kaedah salur bantuan rakyat miskin

KANGAR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan kaedah terbaik menyalurkan bantuan kepada rakyat miskin dan berpendapatan rendah dalam Bajet 2004.

Sehubungan itu, kerajaan sedang mengumpul pandangan dan cadangan pelbagai pihak untuk mencari kaedah terbaik menyalurkan bantuan berkenaan, terutama kepada penduduk luar bandar, bagi membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

Setiausaha Politik Menteri Kewangan Kedua, Zahidi Zainal Abidin, berkata kerajaan serius membantu rakyat miskin, terutama di kawasan luar bandar, dan menjadikan mereka sasaran utama untuk menyalurkan bantuan.

Malah, katanya, membantu rakyat miskin dan menaikkan taraf hidup mereka masih menjadi agenda penting kerajaan dalam belanjawan negara setiap tahun.

"Ini bukti kerajaan memang serius dan komited membantu rakyat miskin serta mengeluarkan mereka daripada kemiskinan dengan menyediakan bantuan tertentu yang jarang dilakukan negara lain,"

"Pembentangan itu kelak akan memberi kelegaan dan keselesaan kepada rakyat khususnya yang berpendapatan rendah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid merasmikan Karnival Sukan Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) Parlimen Padang Besar di Institut Kemahiran Mara (IKM) di Beseri, semalam.